

22/04/2002

Minggu ICT tingkat kefahaman kepada rakyat

KEMENTERIAN Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan mengadakan Minggu ICT Malaysia pada 2-8 September depan bertujuan memberi kefahaman lebih meluas mengenai kepentingan ICT kepada rakyat Malaysia.

Minggu berkenaan yang diadakan serentak dengan Ekspo MSC 2002, Ekspo ACM 2002, Minggu E-Dagang Kebangsaan 2002 dan Multimedia Asia 2002 bertemakan Komunikasi, Multimedia dan Anda.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata dengan mengadakan secara serentak acara membabitkan ICT pada satu tempoh masa, kami boleh menjangkakan kesan yang lebih besar kepada orang ramai.

"Kami mengadakan secara serentak ekspo ICT Malaysia inii untuk menunjukkan kepada rakyat Malaysia dan seluruh dunia, kemajuan dan kejayaan usaha ICT kami dan Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas pelancaran Majlis Minggu ICT Malaysia juga menandakan pelancaran Ekspo MSC 2002, Ekspo ACM 2002, Minggu E-Dagang Kebangsaan 2002.

Ketiga-tiga acara utama ICT itu akan diadakan serentak di Pusat Pameran MINES pada 3-6 September, bersempena dengan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC ke-6. Mesyuarat berkenaan akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Multimedia Asia 2002 (MMA 2002) akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 5-7 Sept.

Moggie berkata, Minggu ICT Malaysia adalah antara usaha kerajaan menerusi kementerian itu, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) untuk menganjurkan pameran ICT bertaraf dunia di Malaysia.

Penganjur menjangka menarik lebih 400 peserta pameran dan 30,000 pengunjung dari kalangan kerajaan, perdagangan, pelajar dan orang awam.

Ekspo ACM 2002 akan mempamerkan penyelesaian terbaru dalam teknologi komunikasi dan multimedia terdiri daripada teknologi Jalur Lebar Wayarles, Akses Internet Kelajuan Tinggi, Internet Mudah Alih, E-perbankan, E-dagang, IP Telephony, eCRM, Multimedia jalur lebar, Penyelesaian Satelit, E-keselamatan dan rangkaian perusahaan.

(END)